Experts

Malaysia memperluas akses terbuka kepada tesis dan disertasi dalam pendidikan tinggi

Mon, 04/21/2025 - 16:34

Gerakan dan pembudayaan ke arah akses terbuka dalam penyelidikan akademik semakin berkembang di peringkat global. Pada 13 Februari yang lalu, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bersama-sama 19 wakil Jawatankuasa Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti Awam yang lain telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Profesor Dato' Dr. Azlinda Azman dan disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.

Usaha ini dipacu oleh Jawatankuasa Akses Terbuka Universiti Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Zaharah Abd Samad, bersama Ketua-ketua Pustakawan daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan perkongsian ilmu, memperluas keterlihatan penyelidikan, dan menempatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Langkah Malaysia ke arah akses terbuka ini sejajar dengan dasar yang telah diguna pakai oleh pelbagai negara di seluruh dunia. Amerika Syarikat telah menjadi perintis dalam bidang ini melalui *Networked Digital Library of Theses and Dissertations (NDLTD)* yang menggalakkan universiti untuk menerima pakai sistem elektronik berasaskan akses terbuka. Di Eropah, inisiatif OpenAIRE mewajibkan penyelidikan yang dibiayai oleh dana awam boleh diakses secara percuma. Sementara Australia, India, China, dan Afrika Selatan telah menubuhkan repositori tesis nasional masing-masing.



Di luar dunia akademik, akses terbuka mempunyai aplikasi praktikal yang luas. Syarikat boleh memanfaatkan penyelidikan universiti untuk memacu pembangunan produk dan kemajuan teknologi. Pembuat dasar boleh menggunakan penemuan daripada tesis dan disertasi bagi merangka strategi nasional yang berasaskan data. Malah, penyelidik bebas, pendidik, dan pelajar turut mendapat manfaat daripada akses yang lebih luas kepada sumber ilmiah, sekali gus menggalakkan penyebaran ilmu secara lebih sistematik.

Akses terbuka kepada tesis dan disertasi mampu menjadi pemangkin kepada para akademik dan industri dalam usaha mempercepatkan inovasi dengan menggunakan pengetahuan sedia ada dalam membangunkan penyelesaian baharu. Peralihan kepada akses terbuka bukan hanya berkisar kepada dasar keterbukaan tetapi mendukung usaha pemeliharaan hasil penyelidikan jangka panjang, pengindeksan yang baik untuk penemuan maklumat, dan pematuhan kepada piawaian akademik yang ketat. Selain itu, akses terbuka juga bakal memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti dalam penyelidikan, mengurangkan pertindanan kerja serta meningkatkan integriti akademik.

Meskipun akses terbuka menawarkan pelbagai kelebihan, terdapat cabaran yang perlu diatasi. Kebimbangan berkaitan hak harta intelek, potensi penyalahgunaan penyelidikan, dan risiko plagiarisme masih menjadi isu utama dalam kalangan para akademik. Ramai penyelidik masih ragu-ragu untuk berkongsi hasil kerja mereka secara terbuka kerana ketidakpastian mengenai perlindungan hak cipta. Justeru, institusi perlu memperkenalkan dasar yang jelas, termasuk penggunaan kerangka pelesenan piawai yang membolehkan penyelidik mengekalkan kawalan ke atas penggunaan hasil penyelidikan mereka di samping memastikan keterbukaan.



Antara cabaran penting yang mesti ditangani bersama adalah pembudayaan di peringkat institusi. Untuk mengubah perspektif ini, usaha yang berterusan adalah sangat penting dalam meningkatkan kesedaran di samping pembangunan dasar institusi yang menyokong akses terbuka, serta insentif bagi mendorong lebih ramai penyelidik menyertainya. Dasar akses terbuka akan membolehkan penggubal dasar, industri termasuk usahawan untuk menerokai pengetahuan baharu dan seterusnya mencetus inovasi terkini.

Infrastruktur teknikal turut menjadi aspek penting. Pembangunan dan penyelenggaraan repositori nasional yang selamat, mesra pengguna, dan berkualiti tinggi memerlukan pelaburan dalam teknologi arkib digital, langkah keselamatan siber, serta tenaga pakar yang terlatih. Selain itu, mekanisme kawalan kualiti perlu diterapkan bagi memastikan platform akses terbuka mengekalkan piawaian akademik yang tinggi. Melalui repositori yang bertindak sebagai arkib ilmu jangka panjang, penemuan penyelidikan dan sumbang akademik dapat dijaga serta kekal boleh diakses oleh generasi akan datang.

Komitmen UMPSA terhadap akses terbuka adalah selari dengan visi strategik Malaysia bagi masa depan pendidikan tinggi. Dengan membolehkan akses yang lebih luas kepada hasil penyelidikan akademik, negara bukan sahaja memperkukuh ekosistem penyelidikannya tetapi juga menggalakkan kerjasama merentas disiplin, institusi, dan sektor industri. Pendekatan proaktif Malaysia terhadap dasar akses terbuka bakal menjamin ketelusan akademik dalam perkongsian penyelidikan. Melalui dasar dan sokongan yang tepat, manfaat akses terbuka terhadap karya ilmiah dapat melangkaui tembok universiti, mendorong inovasi, serta menyumbang kepada kemajuan negara dan dunia.



Profesor Ts. Dr. Aida Mustapha

Penulis adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
E-mel : aidam@umpsa.edu.my

- 313 views

View PDF